

**Tarikh Dibaca: 15 SEPTEMBER 2023M / 29 SAFAR 1445H**



# **KHUTBAH JUMAAAT**

***Tajuk:***

***“FATWA BUKAN BICARA BIASA”***

\*\*\*

***Terbitan:***  
***Unit Khutbah***  
***Bahagian Pengurusan Masjid***  
***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## "FATWA BUKAN BICARA BIASA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا  
سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعْ  
الَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا <sup>١</sup> ﴿٧١﴾  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ <sup>٢</sup> ﴿١٠٣﴾

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah, pada hari Jumaat penghulu segala hari ini, marilah kita bersama-sama memantapkan dan mengukuhkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan sentiasa meneliti segala tindakan sehari-hari kita, agar ia sentiasa selari dan bertepatan dengan kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya. Mudah-mudahan, kita diberi keberkatan hidup di dunia serta kesenangan dan kejayaan di akhirat.

<sup>1</sup> Surah al-Ahzab : 70 - 71

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



Marilah sama-sama kita menumpukan perhatian, dan menghayati sepenuhnya khutbah pada hari ini yang bertajuk "**FATWA BUKAN BICARA BIASA.**"

### Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Imam al-Qarafi di dalam karyanya yang berjudul al-Furuq, menyatakan bahawa fatwa ialah menghabarkan sesuatu hukum Allah sama ada pada yang mesti ataupun pada yang harus.

Di zaman yang serba moden ini, terdapat umat Islam dalam kalangan masyarakat, gemar berkongsi pengalaman, nasihat dan pandangan sama ada melalui pengucapan awam atau di media sosial. Perkongsian yang baik dan bermanfaat sudah tentu dapat memberi input positif dan kebaikan kepada orang lain yang mendengar dan membacanya.

Namun sekiranya perkara yang ingin dikongsikan adalah berkaitan pandangan Hukum Syarak atau fatwa bagi sesuatu perkara yang masih samar dan belum diputuskan, adalah tidak sepatutnya bagi kita sebagai umat Islam, untuk mengeluarkan kenyataan atau "fatwa" sendiri secara terburu-buru, dengan mendahului pihak berautoriti. Lebih parah jika pandangan yang dikeluarkan itu dilihat mempunyai kepentingan peribadi atau memberi kelebihan kepada kumpulan tertentu, tanpa meraikan maslahah kesatuan umat Islam secara keseluruhan.

Di negeri Selangor, fatwa dikeluarkan bukan atas dasar pandangan individu seorang mufti semata-mata, bahkan ia dibuat secara kesepakatan majoriti ahli Jawatankuasa Fatwa negeri Selangor yang terdiri daripada para alim ulama' dan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing. Merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, seksyen 48(2) "*Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.*"



Berdasarkan Enakmen ini, maka fatwa adalah keputusan secara kolektif daripada pandangan para alim ulama' dan pakar-pakar bidang tertentu, supaya keputusan yang dikeluarkan lebih tepat seterusnya membawa kebaikan kepada umat Islam dan seluruh rakyat.

Fatwa hendaklah membawa kepada kestabilan dan keamanan sesebuah negeri atau negara. Fatwa juga perlu bersifat menyelesaikan masalah dan merungkai persoalan yang timbul di tengah-tengah masyarakat. Sebaliknya bukan fatwa sekiranya pandangan yang dibuat oleh golongan yang berkepentingan, ahli politik, pelampau agama, golongan sesat dan orang-orang jahil, kebiasaanya akan menyebabkan perpecahan, keganasan, kekusutan serta mencetus kebimbangan kepada masyarakat.

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Dalam kitab al-Faqih wa al-Mutafaqqih, Khatib al-Baghdadi menjelaskan bahawa terdapat beberapa syarat yang melayakkan seseorang muslim untuk mengeluarkan fatwa; antaranya: baligh, berakal, adil dan dipercayai serta menguasai Hukum Syarak.

Dalam menghuraikan maksud menguasai Hukum Syarak, terdapat empat syarat lagi yang perlu dipenuhi iaitu memahami al-Quran, menguasai Sunnah Rasulullah SAW, mengetahui pandangan Ulama' terdahulu dan menguasai Ilmu Qias.

Memahami al-Quran bermaksud menguasai kefahaman berkaitan ayat-ayat hukum sama ada ayat muhkamat, mutasyabihat, umum, khusus, mujmal, mufassar, nasakh dan manshukhnya. Manakala menguasai Sunnah Rasulullah SAW pula bermakna memahami perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah SAW, serta mengetahui status setiap riwayat dan *sebab wurud* sesuatu hadis. Mengetahui pandangan Ulama' terdahulu bermaksud memahami ijma' iaitu kesepakatan ulama' terdahulu supaya



dapat mengikuti jejak mereka dan mengetahui perkara yang diperselisihkan untuk tujuan berijtihad dengan penuh teliti dan tanggungjawab. Adapun menguasai Ilmu Qias adalah mahir dengan hukum asal, illah dan dalil seterusnya mampu menentukan hukum kepada perkara baharu yang timbul.

Mengeluarkan fatwa dan pandangan Hukum Syarak adalah satu tanggungjawab yang amat berat dan ia bukanlah suatu perkara yang remeh serta tidak bernilai. Tidak hairanlah jika para ulama' terdahulu seboleh-bolehnya akan mengelak daripada mengeluarkan fatwa selagi tidak diakui keahlian mereka dalam bidang tersebut. Menerusi kitab Sifat al-Mufti wa al-Musttafi, Imam Malik bin Anas menyatakan:

مَا أَفْتَيْتُ حَتَّىٰ شَهِدَ لِي سَبْعُونَ أَهْلٍ لِذَلِكَ

“Aku tidak mengeluarkan fatwa sehingga tujuh puluh orang ahli ilmu mengakui kelayakanku pada urusan tersebut.”

Bagi ulama' terdahulu, mereka sangat takut kepada Allah SWT dalam mengeluarkan fatwa. Segala perkara yang ditanya kepada mereka tidak semuanya dijawab, sebaliknya mereka hanya akan menjawab jika menjadi keperluan sahaja. Rasa takut mereka kepada tanggungjawab mengeluarkan fatwa mendahului ketinggian ilmu yang mereka miliki. Mereka itulah orang-orang yang berilmu, yang digelar ulama', fuqaha' dan murobbi ummah, yang perlu menjadi contoh tauladan kepada kita sehingga ke hari ini.

Firman Allah SWT dalam surah Fatir ayat 28;

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.”



Namun, amat malang dan sedih sekali di zaman kita sekarang, keberanian mengeluarkan pendapat seolah berfatwa terutamanya dalam pengucapan dan melalui media sosial, melebihi ilmu dan kelayakan yang ada. Lihat saja jika timbul isu baharu yang dibahaskan di media sosial, kita akan dapati seribu ‘mufti alam maya’, akan muncul memberikan komen tanpa asas ilmu yang kukuh, seterusnya menyebabkan kekeliruan dan perbalahan.

Bukanlah sifat seorang ulama’ atau mufti itu untuk memberi komen atau pandangan dalam semua hal. Mereka cukup berhati-hati dan akan memikirkan kesannya. Dalam hal ini, Imam al-Nawawi dalam Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti menyatakan bahawa imam al-Shafie ditanya tentang satu permasalahan hukum tetapi tidak dijawab, lalu imam al-Shafie menjelaskan:

**حَتَّىٰ أَدْرِي أَنَّ الْفَضْلَ فِي السُّكُوتِ أَوْ فِي الْجَوَابِ**

“Sehingga aku tahu mana satu yang lebih afdal sama ada diam atau menjawab.”

Inilah akhlak dan peribadi seorang ilmuan yang merupakan imam mazhab. Sangat teliti dan cukup berhati-hati. Hal ini tidak berlaku sama sekali kepada seseorang yang tiada ilmu, akan sentiasa mengeluarkan “fatwa segera” terhadap semua isu, mendabik dada dengan pengetahuannya yang cetek, walaupun pada perkara yang tidak memberi kebaikan kepada umat Islam.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Fatwa atau pandangan hukum yang salah daripada orang yang jahil bukan sahaja membrikan kesan kepada orang yang mengeluarkan fatwa, bahkan ia akan merosakkan masyarakat. Dalam riwayat Jabir Radiallahu anhu, beliau berkata yang bermaksud;



"Kami keluar dalam satu perjalanan. Seorang lelaki dalam kalangan kami telah ditimpa batu lalu cedera di kepalanya. Dia kemudiannya bermimpi (sehingga keluar mani). Lalu dia bertanya kepada sahabat-sahabatnya: "Adakah bagiku kelonggaran untuk bertayammum? Mereka menjawab: Kami tidak dapat untuk engkau kelonggaran sedangkan engkau mampu menggunakan air. Maka dia pun mandi dan (akibatnya) dia telah mati. Apabila kami datang kepada Nabi SAW, dan baginda diberitahu hal tersebut. Baginda bersabda:

قَتْلُوهُ قَتَلُوكُمُ اللَّهُ أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شِفَاءُ  
الْعِيِّ السُّؤَالُ

"Mereka telah membunuhnya, semoga Allah membunuh mereka. Mengapa tidak mereka bertanya jika mereka tidak tahu?!! Ubat bagi kejahilan itu adalah dengan bertanya.

(Riwayat Abu Daud).

Demikianlah kesan atau musibah yang akan dihadapi oleh umat Islam jika masing-masing kurang bertanya kepada ahlinya, sebaliknya berlumba-lumba mengeluarkan fatwa tanpa ilmu, kesan daripada tindakan dan pertuturan, mendahului ilmu dan pemikiran.

### Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Fatwa bukanlah bicara biasa yang boleh dikeluarkan oleh sesiapa sahaja, bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab yang amat berat untuk dipikul oleh seseorang yang mengeluarkannya di hadapan Allah SWT.



2. Mengeluarkan fatwa bererti mengeluarkan Hukum Syarak mewakili Allah SWT dan Rasul-Nya. Jika tidak memiliki keilmuan dan kebijaksanaan yang tinggi, maka janganlah sesekali berkongsi pandangan dan maklumat berkaitan Hukum Syarak di tengah masyarakat.

3. Tingkatkan ilmu agama dalam diri masing-masing dan mereka yang berada di bawah jagaan kita, kerana dengan ilmu akan menyebabkan kita lebih berhati-hati ketika mengeluarkan sebarang kenyataan dan pandangan serta dapat menjauhkan kita daripada terpengaruh dengan pandangan yang salah.

4. Jika terdapat sebarang keraguan dalam memahami Hukum Syarak, sila rujuk kepada pihak berautoriti agama Islam, dalam mendapatkan pandangan, fatwa dan hukum yang tepat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ  
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا

۳۶

“Dan janganlah engkau mengatakan perkara yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”

(Surah al-Israa': 36).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَا  
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ⑤  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ  
الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْعَ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk



dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةِ جَدِيرٍ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ٢٦  
عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٢٧

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهٖ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.